

MINIT

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Mulia,

Pegawai dan Kakitangan, Jabatan Kehakiman Negara

Pengiran Haji/Pengiran/Awang /Dayang Hajah/Dayang,

**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN: 2/2025**

**GARIS PANDUAN MENAIKTARAF SISTEM OPERASI KOMPUTER KERAJAAN
(LAPTOP DAN DESKTOP) DARIPADA WINDOW 10 KEPADA WINDOW 11**

Dengan hormat sukacita merujuk mengenai dengan perkara tersebut di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Jabatan Kehakiman Negara pada masa ini dalam melaksanakan proses menaiktaraf Sistem Operasi Komputer Kerajaan (*Laptop* dan *Desktop*) yang dibekalkan oleh Jabatan Kehakiman Negara **daripada Window 10 kepada Window 11**. Langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keselamatan sistem, prestasi komputer dan keserasian sistem dengan aplikasi-aplikasi terkini.

Dalam hal ini, pihak Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat menyarankan agar semua pegawai dan kakitangan yang dibekalkan komputer (*Laptop* dan *Desktop*) supaya akan dapat memastikan komputer masing-masing sentiasa **dikemas kini (up-to-date)**.

Sehubungan dengan itu, sukacita dipohonkan kerjasama semua pegawai dan kakitangan adalah dikehendaki untuk **melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem operasi komputer Kerajaan (*Laptop* dan *Desktop*) masing-masing daripada window 10 kepada window 11**.

ST

Besama ini disertakan garis panduan bagi Pemasangan Untuk Menaiktaraf Sistem Operasi Daripada Windows 10 Kepada Windows 11 (*Installation guideline for upgrading Operation System from Window 10 to Window 11*) untuk rujukan pihak Pengiran Haji / Pengiran / Awang / Dayang Hajah / Dayang mengenainya.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut atau keperluan sokongan teknikal mengenai dengan menaiktaraf sistem operasi komputer berkenaan, pihak Pengiran Haji / Pengiran / Awang / Dayang Hajah / Dayang bolehlah menghubungi Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat di talian **2221411** atau melalui emel kepada jkn.rdit@judicial.gov.bn.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan pihak Pengiran Haji / Pengiran / Awang / Dayang Hajah / Dayang mengenainya.

والسلام

"Kerja Berniatkan Ibadah, Membawa Berkat"



(HAJAH SUZANAH HAJI SULAIMAN)

Pegawai Pentadbir Kehakiman
b.p Pengarah Kehakiman Negara

Rujukan : (168) JKN/PENT/01-73 PT.3

Tarikh : 15 Jamadilawal 1447H / 06 November 2025M